

SISTEM PENGURUSAN DERMA BAGI PENGECCUALIAN CUKAI

Fareena Mohammad Firdaus¹ & Zarina Shukur²

^{1,2}*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

Abstrak

Sindiket penipuan meminta derma secara dalam talian oleh sesebuah pertubuhan atau institusi amatlah berleluasa pada masa kini. Ketiadaan parti yang dipercayai untuk menguruskan derma mengakibatkan proses pendermaan menjadi kurang efektif. Sistem Pengurusan Derma bagi Pengecualian Cukai (deTax) ini merupakan satu sistem maklumat yang bertujuan untuk menguruskan proses pendermaan antara penderma individu atau korporat dan institusi-institusi penerima yang telah diperaku oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Sistem ini membolehkan penderma untuk melakukan sumbangan pada bila-bila masa dengan mengakses senarai institusi yang memerlukan, serta diyakini kesahihan sesebuah institusi tersebut tanpa memerlukan penyelidikan yang memakan masa. Sumbangan yang telah dilakukan oleh penderma akan melayakkan penderma untuk mendapat pengecualian cukai "derma atau hadiah". Bagi institusi-institusi penerima pula, sistem ini akan lebih memudahkan mereka untuk meluaskan rangkaian penderma. Selain itu, sistem ini juga membolehkan kedua-dua penderma dan institusi penerima untuk menyimpan resit sumbangan sebagai bukti bagi tujuan pengauditan pada masa hadapan. Metodologi perisian yang digunakan bagi sistem ini adalah metodologi Agile menggunakan kerangka kerja Scrum untuk membangunkan sistem yang kompleks dan berkualiti dalam tempoh masa yang singkat. Oleh itu, dengan wujudnya sistem ini, proses pendermaan akan menjadi lebih cekap kerana kepercayaan pengguna akan semakin meningkat dan secara tidak langsung menggalakkan budaya menderma yang dapat menyumbang kepada kemakmuran ekonomi.

Kata kunci: [Derma, Sistem Pengurusan, Pengecualian Cukai, Aplikasi Web, Laravel]

Pengenalan

Masyarakat di Malaysia amatlah terkenal dengan sikap pemurah dan suka memberi, lebih-lebih lagi kepada golongan yang memerlukan. Namun begitu, pada era teknologi kini, terlalu banyak pihak yang suka mengambil kesempatan atas sikap pemurah ini. Penipuan dalam meminta derma terutamanya secara atas talian amatlah berleluasa tidak kira oleh seseorang individu atau mana-mana badan kebajikan yang sewenang-wenangnya mengaku bahawa hasil pendermaan akan diberikan kepada orang yang memerlukan walhal sebaliknya.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sistem pendermaan sedia ada dan keperluan dalam membangunkan Sistem Pengurusan Derma bagi Pengecualian Cukai, membangunkan sebuah sistem berasaskan aplikasi web bagi Sistem Pengurusan Derma bagi Pengecualian Cukai dan menguji sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan dan spesifikasi yang telah ditentukan dengan beberapa kaedah pengujian perisian yang boleh digunakan.

Skop kajian ini memfokuskan kepada pengurusan derma bagi semua institusi-institusi di seluruh Malaysia yang telah diluluskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sahaja. Terdapat dua jenis skop dalam kajian ini iaitu skop pengguna dan skop sistem. Terdapat tiga skop pengguna bagi projek ini iaitu masyarakat awam, institusi kebajikan dan admin sistem. Sistem ini membolehkan masyarakat awam untuk menghulurkan derma pada bila-bila masa menerusi saluran yang betul tanpa meragui kesahihan sesebuah institusi derma tersebut. Di samping itu, penderma juga boleh mengurus resit derma untuk tujuan pengecualian cukai LHDN bagi kategori Derma atau Hadiah atas pendermaan yang telah dilakukan. Institusi penerima yang ingin mendaftar ke dalam sistem hendaklah berstatus lulus mengikut tarikh sah kelulusan LHDN. Institusi juga boleh mengurus pendermaan dengan lebih sistematik. Sistem ini turut mempunyai admin yang bertugas untuk mengesahkan status institusi penerima dan mengakses maklumat penderma dan institusi bagi tujuan pengecualian cukai.

Metodologi yang digunakan dalam pembangunan sistem ini adalah metodologi *Agile* dengan kerangka kerja Scrum. Rangka kerja yang digunakan bagi pembangunan sistem ini ialah rangka kerja Laravel yang merupakan rangka kerja PHP dengan senibina *Model View Controller*.

Secara keseluruhannya, laporan teknikal ini merangkumi pendahuluan, metodologi kajian, keputusan dan perbincangan dan rujukan yang telah digunakan sepanjang kajian dan pembangunan sistem deTax ini.

Metodologi Kajian

Model Proses Pembangunan Metodologi yang digunakan dalam pembangunan sistem ini adalah metodologi *Agile* dengan kerangka kerja Scrum. Metodologi ini dipilih kerana ianya merupakan metodologi yang fleksibel bagi apa-apa pengubahsuaian keperluan sistem. Ia juga sesuai dengan jangka masa pembangunan projek yang singkat dan mengurangkan kesan potensi risiko ke atas projek melalui pengujian yang kerap.

Pengumpulan data kajian dilakukan ke atas beberapa sistem sedia ada yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu sistem pengurusan derma. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang penting bagi memahami teknologi dan ciri-ciri yang digunakan dalam sesebuah sistem. Selain itu, maklumat-maklumat ini adalah signifikan dalam mengambil dan memilih pendekatan yang terbaik untuk membangunkan sistem ini. Dengan itu, ia akan membantu dalam menambahbaik sistem yang sedia ada dengan fungsi-fungsi tambahan yang lebih menarik minat pengguna. Kaedah pendekatan analisis yang digunakan adalah dengan membuat perbandingan mengikut beberapa ciri dan fungsi serta kelebihan dan kelemahan sistem sedia ada bagi menghasilkan sebuah sistem yang lebih efisien, mudah digunakan dan mempunyai fungsi yang jelas.

Selain itu, ujian penerimaan pengguna juga digunakan sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Ia adalah kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna akhir tentang kebolegunaan dan fungsian sistem yang telah dibangunkan. Pengguna berinteraksi dengan sistem deTax, menguji semua fungsian dan antara muka pengguna lalu menjawab beberapa soalan soal selidik

Keputusan dan Perbincangan

Hasil daripada perancangan dan analisis kajian, serta rekabentuk perisian yang telah dilakukan, Sistem Pengurusan Derma bagi Pengecualian Cukai (deTax) telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan rangka kerja PHP iaitu Laravel dengan menggunakan perisian Visual Studio Code. Berikut merupakan hasil daripada kajian yang dijalankan.


Rajah 1 menunjukkan halaman utama sistem ini di mana ia merupakan halaman pertama yang akan dipaparkan kepada semua pengguna sebaik sahaja memasuki sistem ini.



Rajah 1: Antara Muka Halaman Utama


Rajah 2 menunjukkan antara muka bagi log masuk pengguna ke dalam sistem ini. Pengguna perlulah memasukkan emel dan kata laluan yang telah berdaftar. Ketiga-tiga pengguna iaitu penderma, institusi dan admin akan log masuk ke dalam sistem menggunakan antara muka

yang sama. Log masuk yang berjaya akan memaparkan antara muka utama mengikut jenis pengguna yang tersendiri.



Rajah 2: Antara Muka Log Masuk

Rajah 3 menunjukkan antara muka daftar akaun bagi penderma dan institusi penerima. Institusi perlu mengisi kesemua maklumat, manakala penderma tidak perlu mengisi tarikh kuatkuasa dan sah sehingga. Kedua-dua pengguna boleh mengisi nombor cukai pendapatan jika ada.




Rajah 3: Antara Muka Daftar Akaun

Rajah 4 menunjukkan antara muka halaman utama bagi penderma setelah berjaya log masuk ke dalam sistem di mana penderma boleh melihat beberapa maklumat utama seperti keseluruhan jumlah penderma dan institusi berdaftar di dalam sistem ini serta jumlah derma terkumpul.



Rajah 4: Antara Muka Halaman Utama Penderma

Rajah 5 menunjukkan antara muka carian institusi bagi penderma. Carian boleh dibuat dengan memilih kategori institusi dan negeri atau nama institusi.



Rajah 5: Antara Muka Carian Institusi

Rajah 6 menunjukkan antara muka maklumat institusi bagi penderma jika penderma menekan butang 'Info Lanjut' pada halaman carian institusi.

YAYASAN TERENGGANU

Penerangan: Baik

Alamat: Kuala Terengganu

Nombor Telefon: 0356228811

Emel Institusi: yayasanterengganu@gmail.com

Tarikh Kuatkuasa LHDN: 2023-07-04

Tarikh Sah Kelulusan: 2023-08-05



Nama Kempen	Jumlah Derma Diperlukan	Jumlah Terkumpul
KEMPEN SATU	3000.00	20.00

Laporan Aktiviti:
yayasan_terengganu.png

DERMA

Rajah 6: Antara Muka Maklumat Institusi

Rajah 7 menunjukkan antara muka pembayaran derma jika penderma menekan butang 'Derma' pada halaman maklumat institusi.

BILLING ADDRESS

Nama Penderma :

Emel :

Derma Kepada :

Jumlah Derma :

Kempen/Program :





Pilih Kempen/Program ▾

PAYMENT

Kaedah Bayaran :

Kad Kredit Online Banking

Cards Accepted :

Name On Card :

Credit Card Number :

Valid Thru : CVV :

Terus Ke Pembayaran

Rajah 7: Antara Muka Pembayaran Derma

Rajah 8 menunjukkan antara muka bagi penderma untuk melihat sejarah transaksi bagi semua derma yang pernah dilakukan menerusi sistem ini.

No	Nama Penderma	Tarikh Derma	Derma Kepada	Kempen/Program	Jumlah Derma (RM)	Action
1	Fareena	2023-07-16	AL-KHALIFAH FOUNDATION	Bantuan Anak Yatim	150.00	Papar
2	Fareena	2023-07-16	AL-KHALIFAH FOUNDATION	Bantuan Orang Tua	200.00	Papar

Rajah 8: Antara Muka Penderma Melihat Sejarah Transaksi

Rajah 9 menunjukkan antara muka pengurusan maklumat institusi bagi institusi penerima di mana institusi boleh menambah, mengemaskini atau memadam maklumat institusi yang berkaitan.

DETax

Maklumat Institusi

Bahagian A

Maklumat Utama

Nama Institusi* AL-KHALIFAH FOUNDATION Emel* alkhalfah@gmail.com Nombor Telefon* 0356228811

Tarikh Kuatkuasa* 10/07/2023 Tarikh Sah Sehingga* 02/08/2023

Bahagian B

Maklumat Lanjut

Alamat Institusi TAMAN CEMERLANG Negeri Kuala Lumpur Kategori Institusi Pertubuhan Kebajikan Penerangan Institusi Baik

No Akaun Institusi 112817619081 Nama Bank Maybank Laporan Aktiviti hosp_fatimah.png Logo hosp_fatimah.png

Rajah 9: Antara Muka Institusi Mengurus Maklumat

Rajah 10 menunjukkan antara muka bagi institusi untuk melihat senarai transaksi derma yang telah diterima daripada sumbangan para penderma.

Nama Penderma	Emel Penderma	Kempen/Program	Tarikh Terima	Jumlah Derma
Adam	adam@gmail.com	Bantuan Anak Yatim	2023-07-18	50.00
Fareena	fareenaamf@gmail.com	Bantuan Anak Yatim	2023-07-16	150.00
Fareena	fareenaamf@gmail.com	Bantuan Orang Tua	2023-07-16	200.00


Rajah 10: Antara Muka Institusi Melihat Senarai Transaksi

Rajah 11 menunjukkan antara muka bagi institusi untuk mengurus maklumat kempen seperti menambah, melihat, mengemaskini dan memadam maklumat kempen.

Bil.	Nama Kempen	Jumlah Derma Diperlukan	Jumlah Terkumpul	Tindakan
1	Bantuan Anak Yatim	3000.00	200.00	Perincian Kemaskini Padam
2	Bantuan Orang Tua	4000.50	200.00	Perincian Kemaskini Padam
3	Bantuan Makanan	4000.00	0.00	Perincian Kemaskini Padam

Rajah 11: Antara Muka Institusi Mengurus Maklumat Kempen

Rajah 12 menunjukkan antara muka dashboard bagi admin sistem yang memaparkan beberapa maklumat tentang sistem seperti jumlah penderma, jumlah institusi berdaftar, keseluruhan jumlah derma, purata derma harian dan beberapa graf.



Rajah 12: Antara Muka Dashboard Admin

Rajah 13 menunjukkan antara muka maklumat penderma bagi admin dan juga boleh dicetak bagi tujuan tertentu.

The page displays a list of donors with the following data:

Nama	Emel Penderma	Nombor Cukai Pendapatan	Derma Kepada	Jumlah Derma (RM)
Adam	adam@gmail.com		YAYASAN TERENGGANU, AL-KHALIFAH FOUNDATION	70
Ali	ali@gmail.com			-
Fareena	fareenaamf@gmail.com	OG 10234567080	AL-KHALIFAH FOUNDATION	350

Showing 1 to 3 of 3 entries. A button labeled "Hantar Maklumat ke LHDN" is located below the table.

Rajah 13: Antara Muka bagi Admin Mengakses Maklumat Penderma

Rajah 14 menunjukkan antara muka bagi admin mengesahkan pendaftaran institusi penerima sama ada lulus atau tidak berdasarkan maklumat yang diisi.

Copyright © Fareena 2023

Nama Institusi	Emel Institusi	Tarikh Kuatkuasa	Tarikh Lulus	Status	Action
AL-KHALIFAH FOUNDATION	alkhalifah@gmail.com	2023-07-10	2023-08-02	Tidak Aktif	Lulus
YAYASAN TERENGGANU	yayasanterengganu@gmail.com	2023-07-04	2023-08-05	Aktif	Nyahaktif

Rajah 14: Antara Muka bagi Admin Mengesahkan Pendaftaran Institusi


Rajah 15 menunjukkan antara muka senarai maklumat institusi bagi tujuan admin menyahaktif akaun institusi penerima jika tarikh sah institusi telah tamat tempoh.

Copyright © Fareena 2023

Nama Institusi	Emel Institusi	Tarikh Kuatkuasa	Tarikh Lulus	Status	Action
AL-KHALIFAH FOUNDATION	alkhalifah@gmail.com	2023-07-10	2023-08-02	Aktif	Nyahaktif
YAYASAN TERENGGANU	yayasanterengganu@gmail.com	2023-07-04	2023-08-05	Aktif	Nyahaktif

Rajah 15: Antara Muka bagi Admin Menyahaktif Akaun Institusi Penerima

Seterusnya, bagi analisis keputusan, ujian penerimaan pengguna telah dijalankan bagi menguji fungsian dan antara muka sistem. Berikut merupakan hasil ujian yang diperoleh daripada 15 orang responden. Soal selidik dijalankan berdasarkan skala 1 hingga 5 seperti rajah 16.




Tidak 1 2 3 4 5 Ya

Rajah 16: Contoh skala


Rajah 17 merupakan graf bar yang menunjukkan bahawa 93.3% pengguna memberikan skala 5 dan 6.7% memberikan skala 4 mendapati bahawa sistem ini sangat mudah untuk difahami dan digunakan. Ini menunjukkan bahawa sistem ini adalah mesra pengguna dan tidak begitu rumit untuk pengguna berinteraksi dengannya.

Saya mendapati bahawa sistem ini mudah untuk difahami dan digunakan
15 responses



Rajah 17: Sistem mudah difahami dan digunakan

Rajah 18 merupakan graf bar yang menunjukkan bahawa 80% pengguna memberikan skala 5 dan 20% memberikan skala 4 bagi pernyataan bahawa antara muka sistem ini menyenangkan. Ini menunjukkan bahawa majoriti pengguna bersetuju bahawa sistem menyediakan antara muka yang menarik dan mesra pengguna.




Rajah 18: Antara muka sistem menyenangkan

Rajah 19 merupakan graf bar menunjukkan bahawa 86.7% pengguna memberikan skala 5 dan 13.3% memberikan skala 4 bagi pernyataan bahawa mudah untuk mencari maklumat yang diperlukan. Statistik ini menunjukkan bahawa aliran penggunaan sistem adalah jelas dan teratur untuk digunakan oleh pengguna sekaligus membuktikan sistem mampu untuk memberikan pengalaman pengguna yang baik.


Saya mendapati bahawa mudah untuk mencari maklumat yang diperlukan

15 responses



Rajah 19: Mudah untuk mencari maklumat yang diperlukan

Rajah 20 merupakan graf bar yang menunjukkan bahawa 100% pengguna mendapati bahawa sistem ini dapat digunakan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Ini menunjukkan sistem dapat berfungsi dengan baik tanpa sebarang ralat sepanjang interaksi antara pengguna dan sistem.




Rajah20: Sistem dapat digunakan dengan lancar tanpa sebarang masalah

Rajah 21 merupakan carta pai yang mewakili statistik pendapat pengguna tentang ini secara keseluruhannya. Seramai 86.7% pengguna memberikan respon sangat baik dan 13.3% memberikan respon baik. Ini menunjukkan bahawa majoriti pengguna berpuas hati tentang keseluruhan sistem ini memandangkan tiada respon kurang baik atau sangat tidak baik yang dicatatkan. Dengan itu, sistem ini telah berjaya mencapai keperluan pengguna.

Apakah pendapat anda tentang sistem ini secara keseluruhannya?

15 responses



Rajah 21: Pendapat tentang keseluruhan sistem

Perbandingan Sistem Sedia Ada

Jadual 1 menunjukkan ringkasan kajian perbandingan sistem sedia ada yang telah dijalankan dengan sistem yang akan dibangunkan. Terdapat empat sistem yang dibandingkan mengikut beberapa ciri dan fungsi. Perbezaan yang ketara adalah dari segi pengguna, penerima diluluskan LHDN dan pengurusan resit.

Jadual 1: Perbandingan Sistem Sedia Ada Dengan Sistem Yang Dibangunkan

Ciri-ciri	Jomdonate.com	Ikhlas.com	Sujood	InfaqYide	deTax
Log masuk pengguna	Penderma dan ahli gabungan sahaja	Penderma sahaja	Penderma sahaja	Penderma sahaja	Penderma, institusi penerima dan admin sistem
Penerima	Persendirian, organisasi dan NGO	Sekolah, masyarakat setempat, masjid dan NGO	Masjid dan surau di seluruh Malaysia	Beberapa institusi di seluruh Malaysia	Institusi yang diluluskan LHDN
Penerima diluluskan LHDN	Tidak	Tidak	Tidak semua	Tidak semua	Semua
Pengurusan resit	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada
Pilihan mengikut kategori	Ada, mengikut jenis institusi	Tiada	Ada, mengikut negeri	Ada, mengikut jenis dan negeri	Ada
Kaedah pembayaran	toyibPay	Perbankan atas talian	toyibPay	toyibPay	Perbankan atas talian dan kad kredit
Platform	Laman web	Laman web	Aplikasi mudah alih	Aplikasi mudah alih	Laman web

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi yang baik kepada masyarakat di Malaysia seperti menggalakkan amalan menderma bagi membantu institusi-institusi kebajikan yang memerlukan di mana secara tidak langsung akan membantu masyarakat yang memperoleh bantuan daripada institusi-institusi tersebut. Keselamatan yang diaplikasikan dalam sistem ini juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kepercayaan pengguna untuk memberi derma secara yakin dan selamat tanpa risiko penipuan derma atas talian. Selain itu, sistem ini juga diharapkan dapat memudahkan pembayar cukai untuk mendapatkan pengecualian cukai atas derma yang dilakukan serta menyimpan resit pendermaan yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Cadangan yang boleh dijalankan pada masa hadapan adalah sistem boleh menyediakan fungsi memilih bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Tamil, Mandarin dan sebagainya bagi menyediakan platform yang lebih mesra pengguna.

Kesimpulan

Pembangunan Sistem Pengurusan Derma bagi Pengecualian Cukai (deTax) dapat dibangunkan dengan jayanya setelah melalui beberapa fasa iaitu fasa perancangan, analisis, reka bentuk, implementasi dan pengujian. Hasil daripada pembangunan sistem ini diharapkan dapat membantu menyediakan *platform* yang mudah, selamat dan berintegriti untuk masyarakat melakukan pendermaan serta mendapatkan pengecualian cukai melalui pendermaan yang dilakukan jika berkeperluan. Selain itu, ia juga untuk memudahkan pengurusan maklumat derma bagi pengguna.

Secara keseluruhannya, projek pembangunan sistem deTax ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta memenuhi skop projek yang telah diusulkan pada peringkat perancangan projek. Di samping itu, sistem ini telah mencapai objektif dan matlamat utama pembangunan sistem iaitu mewujudkan sebuah sistem berasaskan aplikasi web atau platform derma yang dapat memudahkan urusan masyarakat sebagai penderma serta institusi-institusi yang memerlukan sumbangan derma.

Terdapat beberapa kelemahan sistem seperti bahasa yang digunakan hanya terhad kepada Bahasa Melayu akan ditambahbaik pada masa hadapan dengan menambah bahasa-bahasa lain bagi menjadikan sistem lebih mesra pengguna masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Secara kesimpulannya, sistem deTax ini diharap agar dapat membantu masyarakat di Malaysia untuk memberi derma secara yakin dan selamat serta memudahkan institusi untuk mencari sumbangan derma dan menguruskannya secara teratur. Objektif utama pembangunan ini telah berjaya dicapai, namun penambahbaikan atau tambahan fungsian pada masa hadapan akan diusahakan bagi menghasilkan sistem yang berprestasi tinggi.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya, kajian tesis ini telah berjaya disiapkan di samping pelbagai caraban dan rintangan yang dihadapi. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr Zarina binti Shukur, selaku penyelia projek saya di atas segala sokongan, bimbingan dan maklumbalas yang banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini.

Seterusnya, tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat yang sudi berkongsi ilmu dan pengajaran sepanjang pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia ini. Segala ilmu yang disampaikan telah saya gunakan dengan sebaiknya sepanjang proses penghasilan tesis ini. Terima kasih kepada pihak Yayasan Bank Rakyat (YBR) kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada pihak Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) atas segala kemudahan untuk digunakan sepanjang penyelidikan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Mohammad Firdaus bin Mohd Marzuki dan Puan Halijah Ton Wasiah binti Mat Wadzir yang sentiasa memberi kasih sayang, doa serta sokongan mental dan fizikal yang amat saya perlukan.

Sesungguhnya, segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan, serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Copyright@FTSM
UKM

RUJUKAN

Derma/ Hadiah | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

<https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/lapor-pendapatan/derma-hadiah/> [1 November 2022]

Faris, F (6 November 2021). 14 ditahan tipu kutip derma anak yatim OKU. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/11/893256/14-ditahan-tipu-kutip-derma-anak-yatim-oku> [30 Mac 2023]

JomDonate. (2016-2021). <https://www.jomdonate.com/> [9 November 2022]

Harian Metro (21 Februari 2015) Simpan resit 7 tahun

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/02/32138/simpan-resit-7-tahun> [23 Mac 2023]

Hasugian, H., & Shidiq, A. N. (2012). Rancang bangun sistem informasi industri kreatif bidang penyewaan sarana olahraga. *Semantik*, 2(1).

IBM Corporation. (5 Mac 2021). *Class diagrams*

<https://www.ibm.com/docs/en/rsm/7.5.0?topic=structure-class-diagrams> [9 Disember 2022]

Ibrahim, S. (1999). *Kejuruteraan perisian*. Penerbit UTM.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2023). Profil Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

(LHDNM). <https://www.hasil.gov.my/mengenai-hasil/profil-korporat/profil-lembaga-hasil-dalam-negeri-malaysia-lhdnm> [23 Mac 2023]

Muzammil, Z. (2022, Mac 31). *Aplikasi InfaqYide Permudah Urusan Derma dalam Talian*.

<https://selangorkini.my/2022/03/aplikasi-infaqyide-permudah-urusan-derma-dalam-talian/> [9 November 2022]

Natda, K. V. (2013). Responsive web design. *Eduvantage*, 1(1).

- Nicholas, J. (18 November 2022). *Use case specification guideline - best tips & guidance for 2022*. BusinessAnalystMentor.com. <https://businessanalystmentor.com/use-case-specificationguidelines/#:~:text=A%20use%20case%20specification%20captures,and%20developers%20to%20understand%20what> [23 Mac 2023]
- Nicholas, N (t.th). *What is a Flow Chart?* <https://www.breezetre.com/articles/what-is-a-flow-chart> [23 Mac 2023]
- Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem. (n.d.). <https://sqa.mampu.gov.my/index.php/ms/3-10-penyediaan-spesifikasi-keperluan-sistem-f2-6> [24 November 2022]
- Sadaqah | Digital Online Donation - *IKHLAS*. (n.d.). <https://ikhlas.com/sadaqah/en/gb/> [9 November 2022]
- Salina Ibrahim. (2015, November 19). Mewujudkan Sistem Aplikasi: Kepentingan Keperluan Pengguna (User Requirements). <http://www.ukm.my/wadahict/mewujudkan-sistemaplikasi-kepentingan-keperluan-pengguna-user-requirements/> [8 Disember 2022]
- Sujood.net. (n.d). Tentang Kami - Sujood. <https://sujood.net/tentang-kami/> [23 Mac 2023]
- Svirca, Z. (2020, Mei 29). *Everything You Need To Know about MVC Architecture*. Towards Data Science: <https://towardsdatascience.com/everything-you-need-to-know-about-mvc-architecture-3c827930b4c1> [18 Disember 2022]

Fareena binti Mohammad Firdaus (A181617)
Prof. Dr. Zarina Shukur
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia